

Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak

The Continuance of Cultural Heritage among East Coast Community in Children Folklores

SITI ZUHAI DAH ZAKERIA & NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan salah satu genre kesusasteraan yang berperanan sebagai ekspresi budaya masyarakatnya. Elemen budaya ini termasuklah peraturan, norma, kepercayaan dan gaya hidup masyarakat dahulu dan masih lagi menjadi amalan daripada generasi ke generasi seterusnya melalui pembelajaran dan warisan turun temurun. Meskipun begitu, telah banyak nilai kebudayaan yang telah terhakis ekoran dengan pembangunan dan perkembangan teknologi dan pendidikan. Walau bagaimanapun, masih ada yang menganggap apabila terus berpegang kepada budaya lama, masyarakat Melayu akan terus ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding bangsa lain. Tanggapan ini sedikit sebanyak turut menjejaskan kedudukan kesusasteraan rakyat sebagai produk daripada kebudayaan masyarakatnya hingga ke tahap membimbangkan. Walaupun begitu, budaya tetap tidak boleh dibuang atau dilupakan kerana di dalamnya terkandung sejarah ketamadunan sesebuah bangsa untuk dijadikan panduan sebagai persediaan di masa hadapan. Oleh itu, dua objektif menjadi tunjang kepada penelitian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya yang masih wujud di kalangan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat untuk kanak-kanak. Analisis ini merujuk sepenuhnya kepada buku Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia selenggaraan Othman Puteh juga Aripin Said dan tumpuan hanya diberikan kepada cerita rakyat masyarakat Melayu Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Daripada penelitian yang dibuat, tiga unsur budaya dominan dapat dibahagikan iaitu kepercayaan, perubatan dan seni budaya ekspresif. Unsur-unsur ini masih lagi dipegang dan diamalkan oleh masyarakat Pantai Timur kerana mempunyai nilai didikan dan nilai seni yang melambangkan diri anggota masyarakat Pantai Timur sendiri. Selain itu, elemen budaya yang terselit dalam cerita rakyat bacaan kanak-kanak ini mampu membuka minda generasi muda terutama golongan kanak-kanak untuk berfikir dengan lebih kritis dan kreatif.

Kata kunci: Cerita rakyat; budaya; kanak-kanak

ABSTRACT

Folklore is a literary genre serves as cultural expressions. The cultural elements include the rules, norms, beliefs and lifestyles of the community and still practice from generation to the next generation through learning and hereditary. Nevertheless, cultural values have been eroded due to the development and advances in technology and education. However, there is still perception that sticking to many aspects of tradition may hamper progress. This notion affects the folklore 's position gravely. Even so, the culture will not be discarded or forgotten as it contained the history of civilization as moral guide for the future. Therefore, two objectives in this review, that is to identify and analyze the continuity of cultural elements that still exist among the Malay community through children folk tales. This analysis refers solely to a collection of 366 Malaysian Folklore collected by Aripin Said and Othman Puteh with Malay folklores from East coast of Peninsular Malaysia as the main focus. From observations made, three elements of the dominant culture can be divided into beliefs, medicine and expressive culture. These elements are still held and practiced by the East Coast Community because it has the value of education and the value of art that represent themselves. In addition, the cultural elements within children folklores enable to open the minds of the younger generation especially children to think in a more critical and creative ways.

Keywords: Folklore; the culture; children

PENGENALAN

Kesusasteraan hadir dalam lingkungan manusia yang hidup secara bermasyarakat dengan menggunakan

bahasa yang indah. Sastera juga merupakan karya-karya imaginasi yang terhasil daripada sifat sensitiviti pengarang terhadap keadaan di sekitarnya dan kreativitinya dalam mencari gali dan mengolah

segala yang ada dalam pemikirannya. Oleh itu, sastera bukan sekadar cerita khayalan semata-mata seperti yang dianggap oleh sesetengah pihak kerana di dalamnya juga tergambar cara hidup (budaya) dan mentaliti sesebuah anggota masyarakat yang hidup pada ketika itu. Hal ini seiring dengan kenyataan daripada Prof. Madya Dr. Ishak bawawa;

Apabila kita menyatakan teks sastera itu satu cerminan budaya, kita bertolak daripada andaian bahawa teks yang diteliti itu mengandungi *the spirit of culture* masyarakat konteksnya. Lanjutan daripada andaian itu, kita mengiktiraf karyawan sebagai orang yang peka teras sistem nilai kebudayaannya.¹

Kebudayaan yang dimaksudkan ini meliputi segala-gala yang terdapat dalam kehidupan sesebuah masyarakat termasuk segala gagasan (idea), alatan (material) serta bentuk pengucapan (*expression*)² yang menjadi amalan mereka untuk diwarisi kepada generasi berikutnya. Sememangnya budaya tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia yang berkelompok atau hidup bersama-sama dalam satu kumpulan. Seperti genre lain, sastera rakyat Melayu merupakan satu kegiatan budaya yang sangat rapat dengan hidup kemasyarakatannya. Ini kerana, sastera rakyat digubah sendiri oleh rakyatnya untuk ditujukan kepada masyarakatnya sebagaimana yang dikatakan oleh Anwar Ridwan dalam akhbar *Berita Harian Online* pada 17 September 2013 (diakses pada 28 Mei 2014), bahawa sastera merupakan produk budaya sesuatu masyarakat yang perlu dikembangkan hingga ke persada antarabangsa. Dengan pandangan ini, jelas mendukung peranan kesusasteraan (rakyat) yang diwarisi turun temurun secara lisan ini tidak boleh dipandang enteng dan perlu dijaga sebagai khazanah negara bangsa. Demikian itu, bagi menjaga dan mengekalkan warisan penceritaan ini, sastera rakyat kini sudah banyak dibukukan. Ini bukan sahaja memberi kemudahan pembacaan bahkan merupakan satu alternatif untuk memperkenalkan dan mendekatkan sastera rakyat di kalangan generasi kini khususnya pembaca kanak-kanak agar khazanah warisan ini tidak luput ditelan zaman begitu sahaja.

Pendedahan sastera rakyat kepada kanak-kanak sebagai bahan bacaan selain buku teks sangat digalakkan kerana di dalamnya dapat ditemui pelbagai unsur pemikiran, nilai intelektual serta budaya yang menjadi amalan masyarakat zaman dahulu. Bahkan, menurut Hassan Ahmad (1993: 63) cerita-cerita rakyat adalah pati cerita rekaan tempatan kerana unsur-unsur setempat yang terdapat dalam cerita itu.

Pelbagai definisi yang telah diutarakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan mengikut konteks bidang masing-masing. Antaranya definisi oleh Zainal Kling (1985: 4) yang merupakan ahli akademik dalam bidang antropologi menyatakan kebudayaan adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat. Ianya merupakan satu kelaziman tingkah laku yang telah dipersetujui bersama sesuatu kumpulan manusia dalam sebuah masyarakat pada satu ketika untuk tujuan hidup berharmoni (Samovar, Porter dan Jain 1981). Manakala, Taylor pula mengatakan budaya ialah suatu keseluruhan yang corak susunannya berkait-kait, meliputi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan sebagainya serta kebiasaan yang diamalkan oleh manusia dalam sifatnya sebagai anggota sesuatu masyarakat (Syed Nasir Ismail 1959: 383-384). Daripada pandangan tokoh-tokoh ini, dapat dirumuskan bahawa budaya adalah suatu amalan, cara atau gaya hidup sesebuah masyarakat yang telah dipersetujui antara mereka yang berteraskan nilai dan kepercayaan, norma kehidupan, peraturan dan juga bahasa tuturan. Justeru itu, aspek-aspek inilah yang akan menjadi dasar perbincangan dalam kajian ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam membicarakan kebaikan penyampaian sastera rakyat kepada kanak-kanak, terdapat juga beberapa permasalahan khususnya penentangan sesetengah pihak yang berbeza pendapat mengenai sastera ini. Hal ini, didorong rasa tidak yakin mereka terhadap keupayaan sastera rakyat sebagai bahan bacaan dan pembelajaran anak-anak. Lebih parah lagi apabila hanya aspek ekonomi, sains dan teknologi sahaja yang dipandang dan dikatakan sebagai tulang belakang kepada pembinaan negara sebagaimana menurut Ahmad J. Hussein (1994). Hal yang sama turut dibuktikan oleh Mohamad Zain Musa dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2010: 185) melalui hasil kaji selidik yang dibuat menunjukkan kebanyakan masyarakat di negara ini menganggap budaya dan nilai tradisional menghalang proses pembangunan dan berpegang kepada nilai tradisional ini cenderung kepada kemunduran kerana tidak boleh maju sekalipun melalui usaha kerajaan membuka peluang kepada mereka dengan strategi yang terancang. Atas sebab-sebab inilah, mereka menganggap budaya tradisional tidak relevan kepada masyarakat moden³. Demikian

halnya, budaya tradisi yang terkandung dalam kesusasteraan juga seringkali dilihat tidak penting, walhal menurut Mustapha Ahmad Marican, (2001: 8-9) budaya turut berperanan mengatur masyarakatnya agar tidak wujud kecelaruan apabila menghadapi sesuatu situasi, seiring perkembangan dan pembangunan negara hari ini.

Seterusnya, terdapat juga segelintir masyarakat yang menganggap kesusasteraan rakyat hanya membawa khayalan dan juga imaginasi semata-mata, seolah-olah sastera hanya memaparkan hal-hal kebodohan orang Melayu sahaja melalui watak-watak jenaknya tanpa ada nilai pendidikan dalam setiap ceritanya. Bahkan, ramai di kalangan ibu bapa kini terlalu menyanjung karya-karya dari luar, seperti cerita Cinderella, Robin Hood dan sebagainya⁴ sehingga hampir tidak mengikuti perkembangan sastera tempatan. Pandangan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kedudukan kesusasteraan rakyat hingga ke tahap membimbangkan seolah-olah warisan ini bakal menjadi “khazanah yang hilang”. Sememangnya, budaya merupakan khazanah yang perlu dijaga dan dikekalkan kewujudannya kerana budaya tidak mudah diperoleh melalui baka keturunan, tetapi ianya sesuatu yang harus dipelajari daripada generasi ke generasi dengan hidup bersama-sama masyarakatnya untuk meneruskan kelangsungannya, khususnya yang berkait langsung dengan ketamadunan sesuatu bangsa yang telah mencapai kemajuan dan perkembangan yang tinggi daripada segi kebendaan juga keintelektualannya. Hal inilah yang akan dibicarakan dalam kajian ini, yakni dengan meneliti semula warisan budaya masyarakat Melayu yang masih kekal melalui kesusasteraan rakyat meskipun telah berhadapan dengan transformasi. Dengan penelitian ini diharapkan dapat memberi kemudahan kepada *audience* pembaca khususnya daripada golongan kanak-kanak untuk memahami dan mendekati warisan kebudayaan masyarakat Melayu dahulu kala.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kesinambungan unsur budaya yang masih lagi wujud di kalangan masyarakat Melayu Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terdapat dalam cerita rakyat bacaan kanak-kanak dan,
2. Menganalisis unsur budaya yang masih lagi wujud di kalangan masyarakat Melayu Pantai

Timur Semenanjung Malaysia yang terdapat dalam cerita rakyat bacaan kanak-kanak

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah menganalisis teks. Pendekatan ini digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan kepada penulisan juga dokumen-dokumen bertulis. Data yang terkumpul terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang dikutip daripada bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan juga tesis. Data-data yang dikutip melalui analisis teks ini akan dianalisis ke dalam bentuk kualitatif. Pengkajian ini akan menggunakan naskah *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (cetakan 2011) yang diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Aripin Said terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. sebagai bahan kajian. Manakala penelitian dalam hal-hal kebudayaan ini hanya berfokus kepada cerita-cerita rakyat dari negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Sebanyak 68 buah cerita rakyat negeri Pantai Timur yang akan dianalisis iaitu sebanyak 22 buah dari negeri Kelantan, 26 buah dari negeri Pahang dan 20 buah lagi dari cerita rakyat negeri Terengganu. Sememangnya, suasana masyarakat dan budaya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung tidak jauh berbeza dengan masyarakat yang tinggal di negeri-negeri lain di Malaysia.

HASIL PENELITIAN DAN PERBAHASAN

Ruang lingkup yang boleh diliputi dalam perbincangan ini amat luas. Namun penumpuan perbincangan ini hanya diberikan kepada warisan unsur-unsur budaya tradisional yang dominan, terkandung dalam cerita rakyat di ketiga-tiga buah negeri Pantai Timur iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu. Unsur-unsur budaya tradisional merupakan unsur yang terkandung dalam ciri-ciri persambungan budaya Melayu hari ini⁵ dan terdapat tiga aspek budaya yang dikesan ialah kepercayaan, perubatan tradisional serta seni budaya ekspresif seperti kesenian dan permainan masyarakat tradisional. Ini bersesuaian dengan pendapat Atikah Abd. Azam dan Othman Yatim (2012: 29) bahawa budaya yang diamalkan mempengaruhi cara hidup dan kegiatan harian masyarakat yang merangkumi kepercayaan, keagamaan, pekerjaan, permainan dan amalan harian, bergantung kepada pengaruh yang

dibawa dari luar. Unsur-unsur ini dikesan masih menjadi pegangan masyarakat Pantai Timur kerana mempunyai nilai didikan dan nilai seni yang mampu “membentuk personaliti dan jati diri seseorang”⁶ serta membantu membuka minda masyarakatnya terutama kepada golongan kanak-kanak untuk berfikir dengan lebih kritis dan kreatif.

KEPERCAYAAN DAN BUDAYA

Menurut Ali Ahmad (1994: 30-33) perihal berkaitan hasil kesusasteraan dan kepercayaan amat ketara dalam sejarah kesusasteraan Melayu lama hinggalah fasa-fasa perkembangan kesusasteraan Melayu yang dibentuk oleh ahli sarjana sastera juga berlandaskan kepada perkembangan kepercayaan yang dianuti masyarakat ketika itu. Umumnya, sifat manusia mempunyai naluri ingin tahu tentang keadaan sekelilingnya. Hal ini, telah menuntun mereka membuat tafsiran terhadap sesuatu kejadian mengikut fahaman sendiri. Menurut E.B Taylor dalam tulisan Ismail Hamid (1991: 28) telah menyatakan manusia yang awal hidup di dunia telah menempuh pelbagai pengalaman seperti mimpi, khayalan dan peristiwa kematian. Hal ini telah membawa pelbagai persoalan kepada mereka (manusia) sehingga mendorong mereka berfikir dan meyakini wujudnya roh (*spirit*) dalam diri manusia atau menurut Taylor sebagai animisme⁷. Aspek kepercayaan yang utama dalam kehidupan manusia ialah konsep agama, yang mana sebahagian besar daripada ciri-cirinya terhasil daripada perkongsian agama yang dianuti. Hal ini sepertimana menurut Abdul Halim Ali (2001: 11), setiap kebudayaan mempunyai satu set kepercayaan yang terperinci yang mewakili orang yang prihatin terhadap jawapan tentang persoalan kehidupan. Terdapat beberapa jenis kepercayaan yang menjadi pegangan masyarakat Melayu dahulu kala sebelum kedatangan Islam seperti animisme dan semangat, hantu, alam mistik dan Hindu sehingga membentuk pelbagai aktiviti keagamaan yang menjadi amalan masyarakat ketika itu.

MENUJUM

Menujum telah menjadi suatu amalan penting kepada keluarga diraja bahkan masyarakat kebanyakan. Khidmat ahli nujum juga bukan sekadar digunakan sebagai penilik mimpi atau

alamat bahkan turut memainkan peran sebagai ‘hakim’ dalam menyelesaikan permasalahan serta membuat keputusan yang sangat penting dalam sesebuah kerajaannya. Hal ini, segala ramalan yang diberikan oleh ahli nujum sangat dipegang oleh masyarakat dahulu, kerana menurut Mohd Taib Osman (2004: 192) berasaskan keupayaan bomoh atau pawang yang mempengaruhi kuasa luar biasa dapat memperbetulkan keadaan, seperti menyembuhkan penyakit atau menentukan untung nasib yang baik. Budaya bernujum banyak dikesan dalam cerita rakyat masyarakat Melayu di Pantai Timur misalnya cerita “*Nasib Raja Donan*” dan “*Seruling Ajaib*” dari negeri Pahang, dan cerita “*Awang Mata Berbener*” dari negeri Kelantan.

Oleh kerana bilangan ahli nujum yang menyatakan Awang Donan akan membawa celaka kepada negeri lebih ramai, terpaksa Raja Mendung Angin menurutnya.

(*Nasib Raja Donan*, hlm. 91)

SEMANGAT

Dalam kepercayaan masyarakat Melayu Pantai Timur dahulu, semangat bukan sahaja wujud pada tubuh manusia, malah turut ada pada benda, tumbuhan, binatang, tanah dan sebagainya. Semangat sangat berperanan dalam kelangsungan hidup orang Melayu dahulu dan kehilangannya daripada diri seseorang atau suatu benda yang dimiliki akan mendatangkan kecelakaan pada manusia. Manakala untuk memulihkannya kembali ke dalam diri atau benda berkenaan, khidmat pawang atau bomoh digunakan untuk menjalankan ritual dari masa ke semasa. Jika tidak dilakukan sebarang ritual dipercayai semangat tersebut akan merajuk dan menghilang diri⁸. Kebergantungan masyarakat Melayu dahulu akan khidmat pawang atau dukun jelas dapat dilihat dalam beberapa buah cerita rakyat Pantai Timur seperti cerita *Puteri Bakawali* dan *Puteri Mayang* dari Terengganu.

Puaslah sekalian dukun mengubati dengan segala jampi dan mentera. Segala jenis ubatan digunakan. Namun, penyakit itu tetap juga menyerang.

(*Puteri Mayang*, hlm. 251)

Sememangnya, sastera rakyat Melayu adalah tradisi lisan yang diwarisi oleh rakyat tani Melayu daripada nenek moyang mereka (Mohd Taib Osman 1983: 253). Maka kehidupan yang sederhana di kampung dengan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama bagi masyarakat Melayu sekali

gus memberi ruang hubungan yang dekat dengan alam. Oleh kerana, nasi merupakan makanan ruji masyarakat Melayu dan negeri-negeri Pantai Timur sering dikaitkan dengan gelaran negeri jelapang padi, maka masyarakat di negeri-negeri ini percaya segala yang berkait dengan padi mempunyai semangat. Buktinya, masyarakat Melayu telah banyak menghasilkan pelbagai pantang larang yang berkaitan dengan tumbuhan padi. Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat tentang apa yang dikatakan semangat padi di kalangan mereka. Hal ini, Amat Juhari Moain (1990: 50) menyatakan melalui kajian lapangan yang dijalankan, masyarakat petani di Pahang menganggap semangat padi seperti budak kecil yang mudah merajuk jika tidak dilayan. Manakala bagi petani di Kelantan, semangat padi dianggap seperti “roh” yang menjaga mutu padi dan berupa manusia. Ketelitian dalam menjaga semangat padi ini telah mendorong masyarakatnya menghasilkan cerita-cerita lisan mengenai *Semangat Padi* sebagaimana yang terdapat di negeri Kelantan.

Semangat Padi menceritakan seorang pemuda Kelantan yang berjalan dari sebuah kampung ke sebuah kampung untuk mencari calon isterinya. Setelah beberapa lama mencari, beliau telah tertarik kepada seorang gadis yang pada ketika itu sedang menumbuk padi dengan cermat. Setelah berkahwin, pemuda tersebut diberi dua gantang benih padi oleh mentuanya. Oleh kerana mereka tidak mempunyai tanah, si suami telah menanam benih-benih padi di lopak-lopak takungan air bekas kaki kerbau. Berkat kerajinan dan kesabaran, padi yang ditanam berbuah dengan banyak. Tiba musim menuai, padi-padi tersebut disimpan di rumah simpanan. Dikatakan padi yang telah dituai perlu disimpan pada waktu maghrib dan dalam keadaan sunyi sepi, tidak boleh berbuat bising. Jika hal itu terjadi, dikhuatiri semangat padi yang baru dituai akan hilang⁹.

KESAKTIAN

Kepercayaan kepada kuasa ghaib atau kesaktian ini telah lama menjadi pegangan masyarakat Melayu dahulu seperti yang dinyatakan oleh Maniyamin Ibrahim (1998: 389) sejak zaman animisme, orang Melayu beranggapan bahawa setiap sesuatu benda mempunyai kuasa luaran dan dalaman. Malah dalam kesusasteraan Melayu lama juga konsep ini jelas ditunjukkan pada watak-watak raja, pahlawan, imam atau kiai (ilmuwan agama), dukun atau

pawang. Selain ada pada manusia, kesaktian juga turut dimiliki oleh binatang, tumbuhan, alat-alatan kebesaran atau pusaka serta tempat yang dikatakan mempunyai penunggu atau penjaganya.

Berlandaskan penelitian yang telah dijalankan, terdapat beberapa buah penemuan yang menyentuh soal wujud kepercayaan terhadap unsur ghaib kesaktian. Antaranya, ialah cerita *Gual Pasung Hantu, Kura-Kura di Kubang Emas, Sumpahan Sheikh, Perahu Bunga Emas* dari Kelantan, cerita *Buluh Perindu* dan *Kendi Ajaib* dari Terengganu, dan *Seruling Ajaib, Manusia Menjadi Labi-Labi, Cincin Permata Biru, Kapal Jadi Batu, Penunggu Ibu Besi* dari Pahang. Dengan wujudnya sifat yang luar biasa ini, golongan atau objek ini harus dihormati dan dipuja oleh masyarakatnya bagi mengelak didatangi sesuatu musibah atau bala. Petikan di bawah menunjukkan kesaktian yang dimiliki oleh pokok buluh perindu yang dapat menghapus sumpahan jahat.

Kami semua telah disumpah menjadi batu. Buluh perindu tuan hamba itulah yang memulihkan kami semua,” kata seorang lagi. Barulah Manja faham akan hikmat buluh perindu itu.

(*Buluh Perindu*, hlm. 159)

Budaya kepercayaan yang ditemui ini jelas menggambarkan pengaruh animisme dan Hindu telah sebatik dalam diri masyarakat Melayu Pantai Timur sebelum mereka berubah kepercayaan kepada agama Islam, satu-satunya agama yang benar. Sememangnya, kebudayaan itu menurut kenyataan Syed Nasir Ismail (1959: 383) tidaklah beku sahaja keadaannya, malah ia mudah menerima perubahan. Konsep kepercayaan ini jika dilihat daripada sudut pandang lain, ia turut membuktikan bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat akrab dengan alam. Perasaan takut dan ngeri terhadap alam ghaib yang dianggap lebih berkuasa ke atas manusia secara tidak langsung membentuk perasaan hormat, cinta serta sentiasa menjaga dan memelihara alam sekitar telah tertanam dalam diri mereka. Wujudnya unsur-unsur kesaktian dan aktiviti penujuman dalam cerita rakyat memberi kesan yang menarik sebagai bahan bacaan kanak-kanak terutamanya yang berusia 8 tahun hingga 10 tahun. Ini kerana, menurut Julia Unggai (1992: 5) kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan ini menyukai cerita yang berunsur fantasi dan imaginasi. Unsur budaya yang menerapkan nilai hubungan manusia dengan manusia seperti menghormati golongan tua dan tolong menolong serta unsur moral seperti larangan menyakiti haiwan atau memusnahkan habitat hidupan lain yang

terkandung dalam cerita-cerita ini akan membentuk lingkungan sosial kanak-kanak agar lebih bersifat penyayang dan tolak ansur dengan hidupan lain. Ini seiring dengan perkembangan kanak-kanak yakni pada usia 6 hingga 12 tahun (kanak-kanak kelas pertengahan) menurut teori tugas perkembangan Robert Havighurst, lingkungan ini sudah pandai membaca dan dapat berfikir dalam membezakan salah-betul sesuatu perkara sehingga membentuk personaliti diri yang mudah bertolak ansur, tolong menolong dan menghormati golongan lebih tua (Kamarulzaman Kamaruddin 2011: 26).

PERUBATAN TRADISIONAL

Sebelum ilmu perubatan moden sampai di Nusantara, masyarakat Melayu dahulu bergantung sepenuhnya kepada perubatan tradisional yakni perubatan yang menggunakan akar-akar kayu sebagai sumber ubatan. Semestinya, masyarakat Melayu sudah memiliki pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang perubatan untuk memulihkan sakit demam dan keuzuran. Ilmu dan pengalaman ini kebanyakan diceritakan dan diperturunkan dalam buku atau kitab-kitab perubatan yang juga dikenali sebagai *kitab-kitab tib* (ubat). Antara *kitab tib* yang terkenal misalnya *Taj-Ul-Muluk*, *Kitab Mujarab Melayu* dan *Ilmu Tabib*¹⁰. Namun begitu, sebelum sistem tulisan tersebar luas, masyarakat Melayu termasuk yang tinggal di negeri Pantai Timur Semenanjung kebanyakannya menurunkan ilmu perubatan mereka secara lisan. Salah satu medium penyampaiannya ialah melalui cerita rakyat. Meskipun yang diceritakan tidak terlalu *detail* sepertimana yang dicatatkan dalam *kitab-kitab tib*, tetapi ia cukup membuktikan bahawa cerita rakyat juga memainkan peranan penting dalam pembawaan dan penyebaran bidang-bidang ilmu seperti perubatan. Ini sesuai dengan huraian pendapat daripada Misran Rakimin (1997: 551) bahawa kesusasteraan boleh menghiburkan dan pada yang waktu yang sama mendidik pembacanya.

Dikatakan penyebab berlakunya keuzuran atau sakit mengikut ideologi masyarakat Melayu dahulu terbahagi kepada dua bentuk penyebab iaitu pertama, berbentuk naturalistik yakni akibat daripada faktor fizikal. Keadaan persekitaran seperti sejuk-panas atau pencemaran dalam makanan boleh mengganggu keseimbangan luar dan dalaman badan manusia dan mendatangkan pelbagai penyakit seperti demam, badan berangin,

kurap, dan sebagainya. Dalam cerita rakyat negeri Terengganu banyak menceritakan penyakit yang pernah menyerang penduduknya, misalnya penyakit gatal-gatal diceritakan dalam *Mencari Ubat Gatal* dan *Puteri Bakawali* serta penyakit misteri dalam *Puteri Mayang*. Manakala di negeri Pahang, kisah *Puteri Melur Sekuntum* menceritakan penderitaan seorang puteri raja yang mempunyai masalah bau mulut yang busuk dan di Kelantan pula kisah *Awang Mata Berdener*, sebuah cerita yang menceritakan seorang pemuda menghadapi penyakit mata berair. Ini dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

Awang Seraming dipanggil Awang Mata Berdener. Sejak kecil lagi Awang Seraming menghidap penyakit mata berair. Sesiapa yang memandang pasti berasa jijik.

(*Awang Mata Berdener*, hlm. 8-9)

Untuk menyembuhkan penyakit-penyakit ini, masyarakat Melayu mempunyai cara yang tersendiri dalam proses mengesan dan juga teknik rawatan. Namun begitu, disebabkan keterbatasan pada fungsi cerita rakyat sebagai alat menghibur dan penyampaiannya secara lisan bersahaja maka tidaklah pula diceritakan dengan teliti cara merawatnya. Apa yang dapat dikesan melalui analisis ini, ratanya, unsur supernatural dan penujuman dimasukkan sebagai penunjuk kepada penawar penyakit yang dihadapi. Manakala ahli perubatan pula iaitu bomoh, pawang, bidan, atau tok puteri sering dirujuk untuk mendapat nasihat dan rawatan. Hal ini sepertimana yang terdapat dalam contoh kutipan petikan di bawah:

Puaslah sekalian bomoh dan dukun cuba mengubati, namun penyakit itu tidak sembuh. Seorang nujum menyembah kepada raja cara untuk mengubat penyakit itu.

(*Puteri Bakawali*, hlm. 237)

Golongan ini dihormati oleh masyarakat sebagai “pakar” dalam usaha memulihkan daripada sakit demam juga keuzuran penduduk kampung. Selain daripada kehadiran watak-watak yang unik ini, kemahiran pengarang dalam mengeksploitasi multi-teknik penyampaian dalam penulisan mereka juga mampu mewujudkan keindahan yang tersendiri kepada sesebuah cerita rakyat dengan memasukkan pembacaan mentera, jampi atau lagu yang digunakan untuk tujuan penyembuhan. Antara misalan yang menunjukkan bagaimana penulis mampu memberi kelainan dalam menarik dan mengindahkan lagi penyampaian cerita rakyat dapat dilihat penyisipan bacaan mentera dalam aktiviti merawat penyakit yang terdapat dalam cerita *Puteri Mayang*:

“Umbut mayangku umbut
 Umbut dengan jala-jemala
 Ulit mayangku ulit
 Ulit dengan puterinya esa.

Puteri esa berbaju serong
 Puteri esa bersanggul sendeng
 Puteri esa bersubang gading
 Puteri esa berselendang kuning.

Ulit mayangku ulit
 Ulit dengan jala-jemala
 Jika sambut mayangku sambut
 Sambut dengan puterinya dua”.

(*Puteri Mayang*, hlm. 251)

Penyisipan mentera ke dalam cerita rakyat bacaan kanak-kanak dapat memberi kesegaran daripada segi teknik penyampaian agar bacaan tidak terlalu mendatar dan mendatangkan kebosanan kepada pembacanya. Seperti pendapat Kyoko Matsuoka dalam tulisan Hamzah Hamdani (1977: 29) yang menyatakan bahawa unsur-unsur perulangan yang terdapat dalam pola cerita dapat menarik minat dan menimbulkan rasa ingin tahu kanak-kanak. Daripada sisi lain pula, penggunaan mentera dalam aktiviti perubatan mendedahkan kepada generasi muda kini betapa kreatifnya masyarakat Melayu dahulu mencipta lagu puisi khusus untuk tujuan penyembuhan penyakit dan semestinya keunikan ini tidak terdapat dalam perubatan moden kini. Justeru itu, berdasarkan kenyataan Rozninah Abd. Azib (2000: 5) bahawa kesusasteraan kanak-kanak boleh menjadi alat untuk memupuk kreativiti kanak-kanak dan membentuk nilai murni dalam diri mereka.

Manakala, untuk mendapatkan penawar dalam perubatan tradisional pula kebanyakannya berasaskan flora dan fauna atau dikenali sebagai ubatan akar kayu yang dikutip dari hutan. Ubat-ubatan ini dikatakan mempunyai khasiat yang tersendiri dan dapat mengubati pelbagai jenis penyakit. Hingga kini, perubatan tradisional ini masih lagi diamalkan dan diperturunkan sebagai petua turun temurun. Antara herba yang digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu sebagai ubat terdiri daripada Misai Kucing atau *Ortosiphon Stamineus Benth*¹¹, Tongkat Ali atau *Eurycoma Longifolia*, Hempedu Bumi atau *Andrographis Paniculata*, serta rempah ratus seperti buah pegaga, cengkik, kayu manis dan lada hitam. Penggunaan pelbagai jenis herba ini dapat mengubati penyakit-penyakit dalaman dan luaran tubuh manusia. Dalam cerita rakyat yang disebutkan tadi turut dinyatakan jenis herba yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit yang dialami oleh masyarakat ketika itu.

Misalnya, kunyahan daun sirih bersama pinang, kapur dan gambir dapat menghilangkan bau busuk mulut seperti dalam cerita *Puteri Melur Sekuntum*. Manakala dalam cerita *Awang Mata Berdener*, dikatakan air penawar daripada rendaman beberapa kuntum bunga cempaka putih ke dalam air dari seludang kelapa mampu menyembuhkan penyakit sakit mata yang dihadapi Awang Seraming itu. Hal ini dapat dibaca dalam kutipan petikan;

“...Awang Seraming melaksanakan apa yang disuruh oleh orang tua dalam mimpinya.

Setelah seminggu berlalu, Juragan Boyok melabuhkan perahunya di Pulau Mandul. Dia sungguh terkejut mendapati keadaan Awang Seraming yang segar-bugar. Matanya sudah bersih dan kelihatan cantik berseri”.

(*Awang Mata Berdener*, hlm. 9)

Dengan pendedahan ilmu seperti ini dalam buku bacaan kanak-kanak, secara tidak langsung membenarkan kenyataan beberapa tokoh sastera bahawa penciptaan kesusasteraan rakyat adalah untuk menyalurkan wadah pendidikan kepada khalayaknya. Bahkan, dalam psikologi perkembangan kanak-kanak, bagi yang berusia 11 tahun ke atas, bahan bacaan berasaskan sastera rakyat ini dapat memberi pengalaman baru terutamanya ketika baru berjinak-jinak menerokai ilmu sains dan alam semesta. Lumrahnya, pada peringkat ini kanak-kanak gemar membaca cerita tentang kehidupan sehari-harian serta kisah wira yang gagah berani (Julia Unggai 2000: 15). Bahkan kisah pengembaraan watak utama untuk mencari penawar penyakit dan terpaksa menempuh pelbagai cabaran seperti yang terdapat dalam kebanyakan cerita rakyat sangat menarik kerana menurut Saleh Daud dan Izzah Abd Aziz (1993: 82) kanak-kanak pada usia ini sukakan *adventure*, sudah memahami dan mengenali sepenuhnya persekitaran mereka dan amat suka membaca cerita sejarah, penerokaan, kisah pengembaraan sebenar yang nekad dan tentang tokoh-tokoh.

SENI BUDAYA EKSPRESIF

Seni budaya adalah hasil ciptaan yang dihasilkan oleh sesuatu kelompok masyarakat di mana kepakarannya telah pun diwarisi sejak berzaman. Seni budaya ekspresif¹² sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada bidang ekonomi, politik, mahupun sosial yang sangat mempengaruhi keseluruhan kehidupan anggota masyarakatnya. Konsep ini meliputi unsur kesenian dan mainan yang dimiliki oleh anggota

masyarakatnya. Bahkan, peranan dan kepentingan seni budaya ini bukan sahaja sekadar untuk mengisi keperluan hiburan di masa lapang, malah ia turut berfungsi sebagai saluran dalam membentuk nilai-nilai sosial dan *worldview* anggota masyarakatnya. Pembentukan seni budaya mencerminkan identiti masyarakat dan budayanya yang tersendiri kerana memiliki sifat kedaerahan yang tebal dan antaranya mungkin mempunyai kelainan daripada tempat atau kelompok masyarakat lainnya. Unsur-unsur yang menunjukkan identiti sendiri misalnya dalam aspek permainan, masyarakat Pantai Timur memang terkenal dengan keunikan permainan tradisinya seperti permainan gasing yang diperbuat daripada kayu atau timah seperti di Pahang, permainan wau dan menyabung binatang di Kelantan dan Terengganu.

PERMAINAN RAKYAT

Permainan masa lapang atau juga dikenali sebagai *folk games*¹³ ini juga turut berperanan dalam aktiviti sosial untuk menyerikan lagi majlis serta bertindak sebagai alat komunikasi dalam kalangan anggota masyarakatnya. Demikian, permainan tradisi ini juga bercorak pertandingan dan salah satunya ialah permainan menyabung binatang ternakan seperti ayam. Beberapa buah cerita rakyat yang memaparkan kegemaran masyarakat pantai timur akan aktiviti menyabung ayam seperti cerita *Pak Si Molong* dari negeri Terengganu, *Seruling Ajaib* dari Pahang, dan cerita *Perigi Tuk Putih* dari Kelantan. Hal ini dapat dilihat dalam kutipan petikan cerita di bawah:

Sekumpulan anak muda yang baru sahaja selesai bersabung ayam, datang ke perigi Tuk Putih.

(*Perigi Tuk Putih*, hlm. 274-275)

Selain masyarakat biasa, permainan menyabung ayam juga amat diminati golongan raja-raja Melayu dahulu dan menggunakan acara ini untuk memperkenalkan kerajaan negerinya kepada negeri-negeri lain. Ianya, sepertimana yang diceritakan dalam cerita *Pak Si Molong*, seorang tukang sabung diraja yang diperintahkan oleh rajanya untuk menunjukkan kepintarannya menyabung ayam kepada Raja Chulan dan pengikut-pengikutnya dari negeri Sailan. Perhatikan petikan di bawah:

“Pak Si Molong, yang datang kali ini ialah raja besar. Tunjukkan kebijaksanaan kamu supaya ayam kita alahkan ayam Raja Chulan itu,” titah baginda.

(*Pak Si Molong*, hlm. 48)

KESENIAN

Kata kunci bagi kesenian adalah kreatif yang mana, kesenian Melayu sangat menekankan ciri-ciri dan kesan kehalusan, keberukiran, keseimbangan, keharmonian, keindahan serta ketenangan¹⁴. Selain permainan, masyarakat Pantai Timur juga sangat kreatif dalam menghasilkan bahan-bahan material yang bercirikan kebudayaan mereka. Aspek kesenian tersebut termasuklah seni suara seperti dikir barat di Kelantan, seni gerak atau tari seperti tarian balai yang berasal dari daerah-daerah di Terengganu, dan seni rupa yang dihasilkan melalui ukiran, anyaman, tenunan, seni bina dan sebagainya.

Dalam cerita rakyat kanak-kanak meskipun penyampaian atau gambaran budaya kesenian ini tidak jelas atau kabur kerana telah mengalami proses pengubahsuaian, tetapi cukup untuk memberi petunjuk bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat kreatif dalam mencipta sesuatu material yang kini penghasilannya dibuat atas kepentingan komersial. Selain itu, masyarakat moden kini dapat melihat bagaimana kehebatan dan kepintaran orang dahulu mengaitkan kejadian alam sebagai asbab terhasilnya perbagai unsur kesenian tersebut. Hal ini juga disampaikan melalui cerita-cerita rakyat yang diwarisi turun-temurun.

Menerusi kajian yang dijalankan, beberapa seni budaya ekspresif dalam kegiatan kesenian masyarakat Pantai Timur dikesan, malah kegiatan ini masih lagi wujud dan menjadi identiti sesebuah negeri. Antaranya, keunikan seni tenunan songket Pahang yang popular di kalangan golongan bangsawan dahulu ada diceritakan dalam cerita rakyat negeri tersebut iaitu *Bangau Menenun Songket*. Cerita ini mengisahkan seekor burung bangau telah menjelmakan dirinya sebagai manusia (Murni) untuk membalas budi orang tua yang telah menyelamatkannya daripada perangkap dan merawat kakinya yang cedera. Murni lalu tinggal bersama-sama keluarga orang tua dan melakukan aktiviti menenun bagi menambahkan pendapatan keluarga tersebut. Bagi mendapatkan bahan mentah untuk tenunan, Murni rela mencabut bulu-bulunya untuk dijadikan benang, bahkan hasil songket yang ditenen juga sangat cantik dan mendapat sambutan yang ramai.

Daripada kisah ini, nilai budaya yang ingin ditonjolkan ialah nilai budaya antara manusia dengan manusia. Nilai penyantun dan sikap peduli atau membantu orang lain dalam kesusahan menerusi watak Murni (bangau) dan orang tua ini

sangat penting untuk membentuk keperibadian yang murni dalam diri kanak-kanak. Agama Islam juga sangat menggalakkan umatnya untuk berbuat kebaikan dengan meringankan kesusahan manusia lain seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

Firman Allah SWT yang bermaksud: Dan tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebajikan dan takwa dan jangan kamu tolong-menolong dalam perkara dosa dan melampau.

(al-Maidah: 2)

Selain terkenal dengan hasil tenunan, masyarakat Pantai Timur juga turut dikenali dengan kepandaian melebur logam dan seni ukir (besi, emas, perak), serta kepandaian dalam seni bertukang kayu terutamanya kelompok masyarakat negeri Kelantan dan Terengganu. Selain itu, terdapat juga kelompok tradisi kecil yang menghasilkan kerajinan benda budaya yang sederhana daripada daunan, tanah liat, kayu-kayan dan batu-batuan sehingga berkembang menjadi karya seni agung. Misalan ini boleh dilihat melalui beberapa buah cerita rakyat negeri-negeri ini seperti kisah *Asal Nama Gual Periuk, Perahu Bunga Emas* dari Kelantan.

Sememangnya, ilmu pertukangan dan pembinaan terutama perahu dan kapal sudah menjadi keutamaan bagi anak-anak laut dan aktiviti ini dilakukan pada musim tengkujuh, sewaktu aktiviti penangkapan hasil laut terganggu seketika kerana tiupan angin monsun. Pada musim itu juga, para nelayan mengambil inisiatif untuk membaiki perahu dan menjahit jala mereka untuk persediaan kembali ke laut apabila berakhirnya musim tengkujuh. Di Pahang pula, kegiatan membuat tembikar atau dikenali sebagai “terenang” sangat terkenal di beberapa daerahnya dan sehingga kini tradisi pembuatan tembikar masih kekal dan bahkan menjadi aktiviti yang komersial terutamanya di Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling. Maka, hakikatnya, karya sastera bukan hanya untuk bersenang-senang tetapi “dari sastera kita akan memperoleh keperluan yang mendalam tentang manusia, dunia dan juga kehidupannya” sepertimana yang dikatakan oleh Jakob Sumardjo (1986: 8).

KESIMPULAN

Sastera rakyat sememangnya merupakan “buah tangan” masyarakat Melayu dahulu yang mana di dalamnya terkandung nilai-nilai didaktik, ajaran moral serta unsur-unsur keintelektualan

dan kreatififan orang Melayu untuk dipelajari oleh generasi kini. Mungkin ada benarnya dengan pendapat sesetengah pihak yang menganggap jika terlalu berpegang kepada budaya lama, masyarakat Melayu terpaksa hidup bersaing lebih kuat dengan bangsa lain kerana banyak melepaskan peluang semata-mata kerana menjaga adat nenek moyangnya. Namun begitu, seperti kata Jakob Sumardjo (1986: 8) dari sastera kita memperoleh keperluan yang mendalam tentang manusia, dunia dan kehidupan.

Karya-karya sastera rakyat yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu di Pantai Timur Malaysia adalah sebagai penghubung dalam lingkungan budaya masyarakatnya. Di dalamnya mengajar anak-anak Pantai Timur yang kebanyakan hidup merantau dan tinggal secara bermasyarakat supaya lebih tertib dan beretika melalui pembawaan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat mereka. Malah, konsep “orang kita” yang menjadi amalan masyarakat Pantai Timur perlu dipertahankan demi kelangsungan identiti budaya dan menjamin kedudukannya sebagai warisan tradisi masyarakat mereka. Walau bagaimanapun, pengetahuan terhadap kepelbagaian budaya juga amat penting bagi masyarakat Malaysia yang bersifat *multicultural* dan memaksa masyarakatnya untuk lebih mengenali budaya dan kehidupan kaum lain di negara ini.

NOTA AKHIR

- ¹ Shamsidah Sahid. “Peranan Sarjana Dalam Penilaian Teks Sebagai Cerminan Budaya Melayu”. *Dewan Sastera*. November 1993: 11-13.
- ² Zainal Kling. “*Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*”. Bangi: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1985: 4
- ³ Mohammad Zain Musa dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*, 2010: 185
- ⁴ Johan Jaafar. “Memperkenalkan Klasik Melayu kepada Kanak-kanak”. *Dewan Bahasa*, Mei 2003: 51-53
- ⁵ Mohd. Taib Osman. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, hlm.3
- ⁶ Mustapha Ahmad Marican. 161 Definisi Budaya, hlm.9
- ⁷ Animisme berasal daripada perkataan Latin *anima* yang bermaksud kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus (*spiritual being*)
- ⁸ Ismail Hamid, hlm 37
- ⁹ Othman Puteh dan Aripin Said, hlm. 187
- ¹⁰ Mohd Koharuddin Mohd Balwi. “Sains Perubatan Naturalistik Melayu: Satu Kajian Awal”. *Jurnal Kemanusiaan*, hlm. 34-35

- ¹¹ Sejak awal kurun ke 20 lagi orang Eropah mengamalkannya sebagai teh sebagai pelawas kencing.
- ¹² Lihat Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. Antara Tradisi dan Perubahan Pernyataan Budaya di Persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 18, 2007, hlm. 173
- ¹³ Ismail Hamid, hlm. 205
- ¹⁴ Anwar Din. "Kesenian: Konsep, Aliran dan Kritikan". *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, 2007: hlm. 51

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. 2001. Konsep budaya dan masyarakat. *Dewan Budaya*. Disember.
- Ahmad J Hussein. 1994. Kebendaan sains punca sastera terpinggir. *Berita Mingguan*, 25 Disember.
- Ali Ahmad. 1994. *Penghantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. 1990. *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Din. 2007. *Kesenian: Konsep, Aliran Dan Kritikan. Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atikah Abd. Azam dan Othman Yatim. 2012. Manuskrip lama: Asas keupayaan dan kearifan Melayu Tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 30(1).
- Hamzah Hamdani. 1977. Catatan di sekitar bengkel penulisan buku kanak-kanak. *Dewan Sastera*, Disember.
- Hassan Ahmad. 1993. Bahan-bahan tempatan untuk penciptaan sastera kanak-kanak di Malaysia. *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- http://utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20131101/ba_05/Budayakan-sifat-tolong-menolong#ixzz2u6QkVIS9 (diakses pada 15.5.2014)
- http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/Promosi_sasteraperluadakaryabaik/pilihanraya/PRU13/Artele/ (diakses pada 28 Mei 2014)
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jakob Sumardjo. 1986. *Ikhtisar Sejarah Teater Barat*. Bandung: Angkasa
- Julia Unggai. Sastera kanak-kanak: Menurut pengalaman dan pengetahuan psikologi kanak-kanak. *Wadah*, Disember 1992.
- Julia Unggai. Sastera membentuk moral kanak-kanak. *Dewan Sastera*.
- Johan Jaafar. 2003. Memperkenalkan klasik melayu kepada kanak-kanak. *Dewan Sastera*, Mei.
- Kamarulzaman Kamaruddin. 2011. *Psikologi Perkembangan Panduan untuk Guru*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahmudi, Mahmudi. 2013. Nilai budaya dalam Dongeng Bakumpai. *Jurnal Bahasa dan Sastra* 3(1).
- Maniyam Ibrahim. 1998. Memahami *world view* orang Melayu melalui bahasa metafora. *Dewan Bahasa* 42(5).
- Misran Rokimin. 1997. Malaysia menjelang abad 21 yang budayanya berteraskan material, perindustrian dan teknologi: Masih relevankah pendidikan kesusasteraan di sekolah? *Jurnal Guru*. Mei.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. 2003. Sains perubahan naturalistik Melayu: Satu kajian awal. *Jurnal Kemusiaan*.
- Mohd Taib Osman. 2004. *Budaya dan Bahasa Melayu, Masalah dan Harapan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. 1982. *Manual for Collecting Oral Tradition with Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Zain Musa, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2010. Peranan budaya dalam mempromosi keharmonian di Asia Tenggara. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*.
- Mustapha Ahmad Marican. 2001. 161 Definisi Budaya. *Dewan Budaya*. Disember.
- Noraida Arifin. 2005. *Penyembuhan Semulajadi dengan Herba*. Bentong: Pts Millennia Sdn Bhd.
- Othman Puteh & Aripin Said, sunt. 2011. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Rozninah Abd. Azib. 2000. Keseimbangan kecerdasan IQ dan kebolehan berkreaitif. *Dewan Sastera*, Oktober.
- Saleh Daud, Izzah Abd. Aziz. 1993. Memudahkan perolehan bahan bacaan kanak-kanak dari kaca mata penulis. *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samovar, L.A., Richard E.P., and Nemi C.J. 1981. *Understanding Intercultural Communication*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Shamsidah Sahid. Peranan sarjana dalam penilaian teks sebagai cerminan budaya Melayu. *Dewan Sastera*. November 1993: 11-13.
- Sumardjo, Jakob. 1986. *Ikhtisar Sejarah Teater Barat*. Bandung: Angkasa.
- Syed Nasir Ismail. 1959. *Kebudayaan Melayu*. *Dewan Bahasa*. Ogos.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. 2007. Antara tradisi dan perubahan pernyataan budaya di persisiran pantai timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* 18.
- Zainal Kling. 1985. *Konsep Kebudayaan Kebangsaan. Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Bangi: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Zuhaidah Zakeria
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: sitizuhaidahzakeria@yahoo.com

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: nikrafidah@gmail.com

Diserahkan: 26 Jun 2015
Diterima: 23 September 2015

